



TEKS UCAPAN

**YBHG. PROF. DR ZAITUN ABU BAKAR,
ISTERI MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL
KORPORAT (CSR)
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

BILIK JAHITAN KEMAS, WP LABUAN

**15 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)
JAM 9.00 PAGI**

Salutasi (Akan diselaraskan pada hari program)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita semua berkumpul di Bilik Jahitan KEMAS pada hari ini bagi menjayakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama-sama golongan wanita yang hebat-hebat di Labuan. Program ini dianjurkan bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 yang membawa tema Sayangi Wilayahku. Sangat bertepatan dengan jiwa ibu-ibu dan wanita yang penuh dengan

kasih sayang bukan sahaja buat diri sendiri malah kepada keluarga tercinta dan juga demi negara.

2. Saya amat berbesar hati dengan kehadiran para wanita di sini hari ini sama ada wanita bekerjaya; ibu tunggal mahupun suri rumah. Bak Pepatah Melayu “Tangan Yang Menghayun Buaian Mampu Menggongcang Dunia”. Oleh itu tangan wanita kita juga boleh setanding kaum bapa untuk turut sama menyumbang tenaga dan kepakaran untuk keluarga dan negara.

3. Seni jahitan ini amat sinonim dengan wanita. Maka atas sebab itu, program ini iaitu Kelas Menjahit Quilt diadakan bagi berkongsi sedikit kemahiran jahitan yang saya ada bersama anda sekalian. Kemahiran seni jahitan kreatif mampu mendekatkan wanita dengan bidang keusahawanan. Sekali gus dapat

membantu mengubah struktur ekonomi golongan wanita suri rumah misalnya untuk menjana pendapatan tambahan kepada keluarga walaupun hanya duduk di rumah. Masih boleh menguruskan keluarga sambil menjana pendapatan sendiri.

4. Penghasilan pelbagai produk inovasi jahitan yang unik dan berkualiti berpotensi bukan saja untuk pasaran tempatan tetapi diyakini mampu dikomersilkan ke pasaran antarabangsa. Begitu juga dengan jahitan quilting yang merupakan seni menjahit dengan menyambung potongan-potongan kain perca menjadi satu bentuk seperti cadar, selimut dan lain-lain. Untuk menghasilkan quilt yang cantik, ia memerlukan ketekunan, ketelitian dan kesabaran sesuai dengan jiwa seorang wanita.

5. Ramai pelancong asing dari Afrika, United Kingdom, New Zealand serta Asia Barat amat meminati produk yang dihasilkan daripada seni quilting ini. Oleh itu, diharapkan selepas kelas ini dijalankan ia dapat memberi suntikan semangat untuk wanita-wanita di Labuan untuk menerokai seterusnya membina peluang peniagaan jahitan seni quilt ini. Insya Allah.

6. Untuk memastikan kelangsungan program jahitan quilt ini, kita akan adakan pertandingan peserta yang menghasilkan produk quilt yang paling menarik dan inovatif pada bulan akan datang. Ini bagi mencungkil bakat-bakat terpendam dalam kalangan puan-puan untuk diasah dengan lebih baik. Saya harap produk hasil jahitan quilt ini akan menjadi salah satu produk yang dicari-cari oleh pelancong apabila berkunjung ke Labuan selepas ini sebagai buah tangan. Akhirnya produk-produk yang

dihadarkan ini dapat dipasarkan hingga ke pasaran antarabangsa. Mana tahu ada rezeki terpijak dalam kalangan wanita-wanita yang hebat di hadapan saya hari ini. Cuba kita usahakan.

7. Saya merasakan aktiviti menjahit ini boleh dimajukan sebagai salah peluang penjanaan ekonomi di Labuan pada masa ini. Ini bagi mengatasi masalah kejatuhan ekonomi komuniti Labuan akibat kemerosotan industri minyak dan gas dunia. Program menjahit ini juga adalah salah satu inisiatif mensejahterakan rakyat WP Labuan yang akan diusahakan oleh Kerajaan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan. Jika di Labuan menghasilkan produk quilt, di WP Putrajaya boleh diketengahkan idea untuk jahitan soft toys manakala di WP Kuala Lumpur pula dibuat beg. Hasil seni jahitan quilt ini juga berpotensi untuk

dijadikan salah satu daripada produk signiture baharu Labuan yang boleh dikembangkan sebagai buah tangan kepada para pelancong yang datang ke Labuan.

8. Jika ini semua menjadi kenyataan dan berjaya dikembangkan, aktiviti pemasaran produk ini harus diberi perhatian. Saya bercadang untuk menubuhkan badan atau yayasan yang akan bertindak sebagai agen pemasar produk-produk quilt Labuan kelak. Saya juga mencadangkan agar satu website khas dibuka bagi menjual produk ini supaya boleh dibeli oleh seluruh rakyat Malaysia. Hasil keuntungan dari jualan ini kelak boleh digunakan untuk untuk melatih peserta-peserta baharu yang berminat dalam industri ini. Wanita yang bekerjaya juga boleh menjadikan jahitan produk ini sebagai kerja sambilan mereka. Saya difahamkan yang Jabatan Kebajikan

Masyarakat juga ada melaksanakan program seperti ini yang dinamakan “ProWell” mungkin kita boleh bekerjasama dengan jabatan tersebut sebagai permulaan pelaksanaan projek ini.

9. Saya amat berharap agar program-program memperkasakan peranan wanita dalam institusi keluarga, masyarakat dan seterusnya membangunkan Negara akan diteruskan bukan sahaja oleh pihak Kerajaan tetapi juga pihak NGO dan sektor swasta juga. Program untuk memperkasakan agenda sosial perlu sentiasa dilaksanakan supaya dapat melestarikan masa depan negara hasil sentuhan wanita.

10. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan KEMAS serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam

menjayakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat CSR hari ini. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya dengan ini melancarkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat CSR Wilayah Persekutuan Labuan 2019.

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamu'alaikum W.B.T.**